

Kerajaan mesti jadi pembekal bahan pembinaan

KENYATAAN Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, beribu kontraktor Melayu mungkin gulung tikar jika harga besi keluli bahan utama pembinaan terus naik secara melampau, wajar diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan.

Melahirkan usahawan kontraktor Melayu berjaya amatlah sukar, namun membunuh mereka amat mudah cukup dengan manipulasi harga bahan utama pembinaan yang hakikat sekarang di luar kawalan mereka.

Harga ditentukan oleh pasaran dan harga kawalan pula ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Harga pasaran dan harga yang ditetapkan oleh kementerian kerap kali tidak sehaluan. Amat jarang pembekal menjual mengikut lunas undang-undang, walaupun di dalam resit belian tercatat harga mengikut harga kawalan.

Contoh mudah satu beg simen di Johor dengan harga kawalan RM11 dijual sehingga RM14 oleh pembekal yang amat berkuasa menetapkan harga pasaran. Dengan meletakkan lebihan harga dalam resit belian sebagai upah pengangkutan atau lain-lain caj, pembekal

boleh sewenang-wenangnya memperlekeh peraturan kerajaan dalam penetapan harga ini. Dari sudut perundangan mereka boleh terlepas kerana tiada bukti penjualan melebihi harga kawalan, namun dari segi moral mereka telah mengkhianati negara kerana tidak ikhlas membantu seluruh sektor pembinaan dalam negara ini dan secara tidak langsung mereka bakal merencatkan pembangunan negara di bawah RMK-9 ini.

Kita semua tidak pasti di manakah punca sebenar kenaikan harga bahan utama pembinaan ini. Adakah pengilang puncanya, ataukah orang tengah atau pemborong penyebabnya. Jika ditanya, masing-masing menyalahkan satu sama lain. Rasional kenaikan harga sudah sepatutnya dihidu oleh pihak kementerian, di mana puncanya sudah sepatutnya dalam pengetahuan kementerian. Isu ini amat jelas menggambarkan sifat tamak peniaga di negara ini.

Pendekatan membuat keuntungan maksimum mungkin bilamana pasaran amat menggalakkan sudah menjadi amalan peniaga kita. Dengan kerancakan projek pembinaan, khususnya yang dikeluarkan melalui JKR, peniaga-peniaga tamak ini sudah mula mencongak menaikkan harga, walaupun pada ketika ini hakikatnya, tiada kenaikan pada asas

ekonomi negara seperti minyak, elektrik, air dan sebagainya.

Sifat-sifat peniaga sebegini sering membantutkan usaha kerajaan memakmurkan seluruh rakyat. Apabila diumumkan kenaikan gaji, pastinya harga barangan juga akan dinaikkan oleh peniaga dan sudah semestinya juga jika berlaku kenaikan minyak, elektrik dan sebagainya.

Kebimbangan PKMM ada asasnya. Besi keluli melalui harga kawalan yang ditetapkan kementerian adalah RM1,570 setan. Sebelum kenaikan mendadak pun harga tersebut telah dinaikkan melalui pelbagai caj lain sebanyak RM150. Kini kenaikan telah mencecah sehingga RM600 dan secara total kontraktor akan terpaksa membeli besi dan keluli dengan harga RM2,170 setan yakni kenaikan sehingga 38 peratus dari harga kawalan.

Hakikatnya inilah yang sedang ditanggung oleh kontraktor yang membeli secara pukal 20 tan dan ke atas, namun kontraktor kecil-kecilan, situasi ini lebih memeritkan lagi.

Kenaikan sebanyak 38 peratus amat memeningkan seluruh kontraktor di negara ini yang sedang melaksana atau bakal mendapat projek atau tender kerajaan. Dengan margin keuntungan yang kecil, kontraktor bakal berdepan dengan

kerugian besar, projek tidak mampu diteruskan, terbengkalai dan langsung gulung tikar serta disenaraihitamkan atau dinyahsenarai pendaftaran PKK mereka.

Kementerian harus memikirkan sesuatu yang proaktif dan dapat menyelesaikan masalah ini secara jangka pendek dalam masa terdekat. Memanggil pengilang dan pemborong untuk majlis dialog adalah pendekatan ke belakang. Sebaliknya mereka harus segera disiasat, dipantau dan dihukum jika sewenang-wenang menaikkan harga dan mencabar kewibawaan kementerian.

Justeru beberapa cadangan agar pihak kerajaan harus sendiri menjadi pembekal bahan-bahan asas pembinaan ini amat bertepatan sekali. Sebagaimana minyak penyumbang utama pembangunan negara wajar diberikan subsidi, bahan asas pembinaan juga penyumbang kepada pembangunan negara yang seharusnya diletakkan di bawah kawalan kerajaan secara mutlak dan seterusnya tidak lagi menjadi mainan manipulasi jaringan pembekal dan pemborong yang tamak haloba dan tidak bersifat patriotik di negara ini.

**- SAMSUDIN ISMAIL,
Ahli Lembaga Koperasi
Nusajaya, Johor.**